

11 MAY 2000

Umno-Rafidah (Uniform)

KURANGKAN PAKAIAN BERGEMERLAPAN, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Anggota Wanita Umno akan diminta tidak lagi berpakaian bergemerlapan seperti kain broked, sebaliknya memakai uniform Wanita - baju kurung putih, berkain dan bertudung merah bagi semua majlis pergerakan itu.

Ketua Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz berkata ini dapat membantu pergerakan itu mendekati dengan lebih mudah peringkat bawahan parti.

"Anggota Wanita mesti memakai uniform. Tidak perlu menunjuk-nunjuk pakaian bergemerlapan seperti kain broked yang tidak ada di kampung. Dengan cara ini, tidak siapa akan merasa tidak selesa," katanya kepada pemberita semasa persidangan Umno berhenti rehat tengah hari ini.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata anggota parti harus merasa bangga memakai uniform Wanita.

Anggota parti bukan Islam masih boleh memakai skaf untuk melengkapkan uniform rasmi, katanya ketika ditanya mengenai isu sesetengah anggota tidak memakai tudung yang dibangkitkan pada perhimpunan Wanita semalam.

Ditanya sama isu itu kini menjadi isu agama, Rafidah berkata Wanita tidak mahu meniru parti pembangkang, PAS, yang menggunakan agama sebagai alat.

"Dengan itu Wanita perlu membuat penjelasan mengenainya di peringkat akar umbi," katanya.

Mengenai kejadian beliau diejek oleh sekumpulan perwakilan ketika berjalan memasuki Dewan Merdeka (Pusat Dagangan Dunia Putra) pada majlis perasmian pagi ini, Rafidah berkata beliau mendapat tahu beberapa anggota Umno marah kerana beliau telah mendesak parti berusaha menghapuskan politik wang dan mengadakan peraturan tidak berkempen.

"Saya mendapat tahu ada orang yang marah dengan saya kerana saya telah mendesak sesuatu perlu dilakukan yang menyebabkan mereka terlepas peluang untuk mendapatkan sesuatu jika kempen ini diteruskan," katanya.

Rafidah berkata malah Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertanya beliau sama ada beliau (Rafidah) sedar yang ada orang berkempen menentang beliau.

"Lebih baiklah kumpulan ini "mengeboo" saya daripada seluruh negara mengeboo Umno hanya disebabkan apa yang saya cadangkan kepada parti," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan menghadapi tempoh yang sukar dalam parti, beliau berkata: " Saya selalu berkata bahawa ia merupakan tugas yang berat, inilah yang berlaku sekarang apabila kita cuba melakukan sesuatu yang baik untuk parti, mereka tidak menyukainya."

-- BERNAMA

ARA LAT